



PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



IJAZAH (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)



» JURUAUDIT GRED W41 (JABATAN AUDIT NEGARA)

Kekosongan: 19

Simpanan: 150

1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujutan (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan):

1. *Acc. & Financial Management & Economics*
2. *Accounting and Business*
3. *Accounting and Management Control*
4. *Business Administration (Banking and Finance)*
5. Informatik/Sains Informatik
6. Data Sains
7. Data Analitik
8. Economics and Business
9. Ekonomi (Pengurusan Perniagaan)
10. Ekonomi
11. Ekonomi dan Kewangan
12. Ekonomi dan Perniagaan Antarabangsa
13. Ekonomi dengan Perakaunan
14. Ekonomi Islam
15. Ekonomi Kewangan
16. Ekonomi (Kewangan & Perdagangan A'bangsa)
17. Kewangan
18. Kewangan Antarabangsa
19. Kewangan Antarabangsa (Ekonomi Kewangan Antarabangsa)
20. Kewangan Antarabangsa (Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir)
21. Kewangan dan Bank
22. Kewangan dan Perbankan Islam
23. Kewangan Islam
24. Pelaburan
25. Pengajian Perniagaan
26. Pengajian Perniagaan (Kewangan dan Pelaburan)
27. Pengurusan (Kewangan)
28. Pengurusan (Perakaunan)
29. Pengurusan Kewangan
30. Pengurusan Kewangan Islam
31. Pengurusan Perakaunan
32. Pengurusan Perniagaan (Perakaunan)
33. Pengurusan Pentadbiran
34. Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Perbankan Islam)
35. Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam)
36. Pentadbiran Perniagaan (Kewangan)
37. Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Pelaburan)
38. Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Islam)
39. Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa)
40. Pentadbiran Perniagaan
41. Perakaunan
42. Perakaunan (Sistem Maklumat)
43. Perakaunan dan Analisa Kewangan
44. Perakaunan dan Kewangan
45. Perakaunan dan Pengajian Perniagaan
46. Perakaunan dengan Sains Komputer
47. Perakaunan Forensik dan Kriminologi Kewangan
48. Perakaunan Perniagaan
49. Perbankan
50. Perbankan Islam
51. Percukaian
52. Perniagaan (Pengurusan Kewangan dan Perbankan)
53. Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa)
54. Perniagaan Antarabangsa (Kewangan Antarabangsa)
55. Sains Komputer
56. Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian dan Kepintaran)
57. Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
58. Sains Komputer (Keselamatan Rangkaian dan Digital Forensik)
59. Sains Komputer (Pembangunan Perisian)
60. Sains Komputer (Pengurusan Sistem dan Rangkaian)

5. Keperluan Tambahan:

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah sarjana muda yang telah diiktiraf oleh pemertua/ jawatankuasa berkekuasaan atau keahlian penuh badan-badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **5 Januari 2021 (Selasa), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA

<https://www.spa.gov.my/spa/>

Maklumat syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/juruaudit-gred-w41>